

Kawasan pilihanraya jadi pertimbangan

M. M. 19 JUN 1990

KUALA LUMPUR 18 Jun — Penyusunan semula kawasan pilihanraya dan perkembangan semasa merupakan antara aspek yang akan dipertimbangkan untuk mengadakan pilihanraya umum baru, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun keadaan adalah sesuai untuk mengadakan pilihanraya umum pada masa sekarang, tetapi kerja-kerja persempadanan semula kawasan pilihanraya perlu diambil kira.

Mahathir percaya kedudukan ekonomi yang memberangsangkan sekarang akan terus stabil hingga akhir tahun dan tidak akan menjadi pengaruh negatif berhubung soal pilihanraya.

“Pelbagai perkara akan diambil kira. Kita akan mempertimbangkannya. Satu perkara yang harus diambil kira ialah penyusunan semula kawasan,” katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung MCA Ke-41 di Wisma MCA di sini, hari ini.

Sebaliknya beliau menegaskan, BN akan terus berkhidmat memandangkan tempoh antara satu pilihanraya dengan pilihanraya lain ialah lima tahun.

Kata beliau, kira-kira 90 peratus jentera Barisan Nasional (BN) sudah siap dan menunggu masa untuk digerakkan.

Beliau yakin BN akan memenangi lebih banyak kerusi sama ada Parlimen atau pun Dewan Undangan Negeri dalam pilihanraya akan datang, berbanding dengan pilihanraya 1990.

Perdana Menteri juga yakin BN akan mencapai kejayaan yang lebih baik memandangkan pihak pembangkang sudah lemah dan kebanyakan ahli mereka telah menyertai

BN khususnya Parti Bersatu Sabah (PBS).

Beliau juga menyandarkan keyakinannya pada pilihanraya-pilihanraya kecil yang telah menyaksikan BN memperolehi kemenangan mudah.

Mengenai peluang untuk menawan semula Kelantan, Perdana Menteri berkata, beliau yakin BN akan memperolehi kejayaan yang lebih baik dalam pilihanraya umum akan datang.

“Di Kelantan kita tidak akan kalah 100 peratus seperti tahun 1990. Bahkan ada kemungkinan kita akan dapat kemenangan,” ujarnya.

Beliau juga memberitahu, BN tidak kluatir tentang kerusi Parlimen di

Kelantan dan Sabah tetapi cuma Dewan Undangan Negeri.

“Di Sabah kita boleh menang tetapi di Kelantan ada kemungkinan untuk menang,” katanya.

Sementara itu ketika berucap pada majlis tersebut, Dr. Mahathir berkata, ‘demam’ pilihanraya telah bermula dan ramai merasakan ia berpunca daripada parti-parti lawan,

Kata beliau, demam pilihanraya tidak akan merebak sekiranya parti lawan tidak menyebarkan.

“Mungkin oleh kerana mereka takut hanya ahli-ahli sahaja yang terkena ‘demam’ ini maka mereka menyebarkan penyakit ini supaya terkena juga kepada ahli-ahli BN,” katanya.